

Majikan tanggung kos vaksin COVID-19 pekerja

Oleh [Lugman Arif Abdul Karim](#) - Januari 6, 2021 @ 2:47pm

KUALA LUMPUR: Majikan diwajibkan membiayai semua kos suntikan vaksin kepada pekerja masing-masing termasuk ujian pengesanan COVID-19.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, ketika mengumumkan perkara itu berkata ia selaras Seksyen 24J(f) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

Katanya, kewajipan itu dibuat susulan arahan kerajaan berdasarkan Seksyen 11 Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Akta berkenaan menetapkan semua pekerja asing perlu menjalani ujian saringan COVID-19, dengan majikan menanggung fi, kos dan caj bagi ujian itu," katanya dalam kenyataan, hari ini.